



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

### Sikap, Amalan dan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dalam Mengaplikasikan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran

(*Attitude, Practice and Problem Faced by Malay Language Teachers in Chinese and Tamil National Type School in Applying Fun Learning in Teaching*)

**Sivasanggari P. Saktianayakan**

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Batang Melaka, Jalan Selendar Batang Melaka, 77500 Selendar, MALAYSIA

Koresponden: **Sivasanggari P. Saktianayaka**, [shivasanggari9803@gmail.com](mailto:shivasanggari9803@gmail.com)

**ISSN:** 2180-4842

**Terbitan:** Disember, 2023

**Volume:** 13

**Bilangan:** 02

**Halaman:** 130-143

**Dihantar pada:**

21 Julai 2023

**Diterima pada:**

10 Disember 2023

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap guru, tahap amalan kaedah Didik Hibur dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur. Kajian tinjauan menggunakan soal selidik telah digunakan untuk memperoleh data. Seramai 54 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKT) dan 49 orang guru Bahasa Melayu di SJK Tamil (SJKT) dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua 103 orang guru Bahasa Melayu ini mengajar di beberapa buah SJKC dan SJKT di daerah Jasin, Melaka. Sampel kajian dipilih menggunakan teknik pensampelan bersistematis. Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27 digunakan bagi menganalisis data soal selidik dalam bentuk deskriptif dan inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi dengan tahap sikap guru, tahap amalan kaedah Didik Hibur dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di SJKC dan SJKT dalam mengaplikasikan kaedah Didik Hibur. Namun demikian, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap dengan tahap amalan kaedah Didik Hibur dan tahap sikap dengan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT semasa menggunakan kaedah Didik Hibur. Kajian ini menggambarkan bahawa kebanyakan guru mengamalkan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa kaedah Didik Hibur amat berkesan dalam menarik minat murid-murid bukan Melayu belajar Bahasa Melayu melalui kaedah Didik Hibur.

**Kata kunci:** Sikap, amalan, masalah, guru Bahasa Melayu, sekolah jenis kebangsaan, Didik Hibur

**Abstract:** This study aims to identify the level of teachers' attitudes, the level of practice of the Fun Learning method and the problems faced by Malay language teachers when implementing the Fun Learning method. Survey research using questionnaires was used to obtain data. A total of 54 Malay teachers at the Chinese National Type School (SJKT) and 49 Malay language teachers at the Tamil SJK (SJKT) were selected as the study sample. All 103 Malay teachers teach in several SJKC and SJKT in Jasin district, Melaka. The study sample was selected using a systematic sampling technique. Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 27 was used to analyze the questionnaire data in descriptive and inferential form. The findings of the study show that there is no significant difference between demographic factors and the level of teachers' attitudes, the level of Fun Learning practice and the problems faced by Malay language teachers who teach at SJKC and SJKT in applying the Fun Learning method. Nevertheless, there is a significant relationship between the level of attitude and the level of practice of the Fun Learning method and the level of attitude and the problems faced by SJKC and SJKT Malay language teachers when using the Fun Learning method. This study illustrates that most teachers practice the Fun Learning method in teaching Malay language. This proves that the Fun Learning method is very effective in attracting non-Malay students to learn Malay language through the Fun Learning method.

**Keywords:** Attitude, practice, problem, Malay Language teachers, national type school, Fun Learning

## PENGENALAN

Dalam keadaan dunia yang kini berada pada abad ke-21 menyebabkan gerakan pembaharuan bagi memberikan nafas baharu kepada bidang pendidikan peringkat sekolah telah pun bermula. Revolusi pendidikan kini perlu disahut sepenuhnya dalam kalangan pendidik bagi memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21. Setiap pendidik perlu bersedia menghadapi perubahan dunia pendidikan yang pesat dalam abad ke-21. Mereka perlu mengubah paradigma mereka dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi menghadapi cabaran yang mendarat. Era revolusi industri telah pun memperlihatkan bahawa tugas utama guru hari ini bukan sahaja sebagai penyampai ilmu kepada murid malah guru perlu memastikan diri mereka mempunyai amalan profesionalisme yang baik supaya mereka kekal profesional. Hal ini demikian kerana amalan pendidikan terkini dipercayai mampu melahirkan modal insan bertaraf antarabangsa (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013).

Penerapan pembelajaran abad ke-21 perlu diberi perhatian dalam program latihan guru. Bagi memastikan setiap guru memainkan peranan penting untuk menggerakkan transformasi kurikulum terkini bagi melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran, terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Walaupun corak pendidikan konvensional pada abad ini telah berubah dan perlu fleksibel mengikut keadaan semasa, guru sepatutnya kreatif memilih kaedah pengajaran yang pelbagai mengikut kesesuaian corak pendidikan yang diperlukan. Dalam hal ini, pihak KPM telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbanyakkan amalan kaedah pengajaran (KPM 2013). Kaedah yang dimaksudkan ialah cara guru menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam Bahasa Melayu untuk memudahkan kefahaman murid. Antara kaedah pengajaran yang boleh digunakan adalah bercerita, bermain, perbincangan, latih tubi, menyelesaikan masalah, sumbangsaran, kuiz, lakonan, perbahasan dan projek. Pada tahun 2011, KPM telah melakukan suatu transformasi kurikulum persekolahan dengan mencadangkan pelaksanaan kaedah Didik Hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR ini menekankan pendekatan kaedah Didik Hibur sebagai salah satu strategi pengajaran guru (Melvina et al. 2018).

Mohd Maziz et al. (2021) dalam kajiannya berpendapat guru memainakan peranan penting dalam menentukan pendekatan dan bahan PdP yang mampu menimbulkan keterujaan serta membantu murid mengembangkan kecerdasan dan pengalaman apabila mengajar di dalam kelas. Malah, pengajaran yang berkesan dapat meningkatkan motivasi murid yang boleh membawa kepada peningkatan kejayaan dalam pembelajaran. Bagi mengekalkan minat dan motivasi murid yang tinggi semasa mereka belajar, guru perlu

mengambil kira keadaan semasa mereka bagi memastikan proses pengajaran lebih menarik.

Proses pengajaran yang tidak diajar secara langsung mengikut keperluan murid akan Didik Hibur ialah proses yang direka bentuk dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur. Proses ini dilakukan secara sistematis dan terancang oleh guru supaya murid dapat belajar dengan lebih berkesan. Menurut KPM (2010), unsur-unsur yang terkandung dalam Didik Hibur dapat menjadikan sesi pengajaran lebih menyeronokkan. Pelaksanaan kaedah Didik Hibur dapat memudahkan guru untuk mengurangkan kebimbangan dan ketakutan dalam diri murid serta dapat memastikan murid lebih selesa dan terlibat dalam pembelajaran mereka (Zamri dan Anita 2023). Didik Hibur juga digunakan sebagai kaedah penyerapan dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran dengan menfokuskan kepada aktiviti dan memahami penyerapan sesuatu situasi sebagai nilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran (Mazlan 2016). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa Didik Hibur ini adalah satu kaedah alternatif dalam memastikan pengajaran Bahasa Melayu mudah untuk diikuti oleh murid.

## PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran guru pendidikan Bahasa Melayu dilaporkan masih banyak mengamalkan pengajaran yang berpusatkan guru. Teknik pengajaran yang digunakan adalah '*chalk and talk*'. Teknik ini menyebabkan murid berasa bosan dan tidak tertarik dengan sesi pembelajaran (Norlela dan Shamsudin 2020). Murid juga dilaporkan kurang menghayati isi kandungan pelajaran Bahasa Melayu terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan-SJK (Chew 2016). Guru juga didapati banyak memberi tumpuan kepada kemahiran menjawab soalan peperiksaan dan hafalan fakta (Norzaharah 2011). Permasalahan ini mengambarkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan guru perlu diubah kepada bersifat inovatif dan kreatif.

Pelaksanaan teknik pengajaran yang berkesan akan memudahkan murid memahami Bahasa Melayu dengan baik. Menurut Aminudin (2017), setiap guru perlu memahami dan mengamalkan kaedah yang berkesan yang mampu meningkatkan penglibatan murid serta mewujudkan konsep guru lebih berinteraksi. Walaupun pelbagai kaedah yang telah diperkenalkan bagi membantu guru melaksanakan pengajaran yang berkesan, kaedah Didik Hibur perlu diberi penekanan yang mendalam. Penerapan elemen yang dikenali sebagai 'Didik Hibur' merupakan kaedah pedagogi dalam pendidikan yang terdapat dalam PPPM 2013-2025 yang dikenali sebagai kaedah mudah, santai, atau menyeronokkan.

Unsur Didik Hibur ini harus diterapkan secara dalam lagi bagi memastabatkan Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJK. Namun, ramai guru Bahasa Melayu SJK tidak menggunakan kaedah dan bahan

pengajaran yang berkesan yang boleh merangsang minat murid dan menjadikan pembelajaran menyeronokkan (Zamri dan Anita 2023). Hal ini boleh mengakibatkan pelajar hilang minat dan sukar untuk belajar Bahasa Melayu. Hal ini dapat dikatakan guru yang kurang kreatif yang menggunakan kaedah tradisional akan menjadikan pengajaran Bahasa Melayu itu sukar serta menyebabkan murid tidak memberi tumpuan sepenuhnya ketika PdP berlangsung (Norlela dan Shamsudin 2020).

Pelaksanaan pembelajaran dengan penggunaan kaedah Didik Hibur dalam normal baharu ini sebenarnya masih sangat kurang dilakukan oleh kebanyakan guru (Zamri dan Anita 2023). Hal ini demikian kerana sikap dan motivasi guru Bahasa Melayu SJK terhadap amalan kaedah Didik Hibur kurang memberangsangkan. Hal ini akan menyebabkan guru akan berhadapan dengan beberapa pertimbangan apabila melaksanakan kaedah baharu dalam aktiviti pembelajaran mereka seperti hasil yang diharapkan, pengurusan aktiviti, kos dan faedah lain yang boleh diperoleh dengan mengaplikasikan kaedah baharu tersebut. Masih lagi ramai guru yang berasa tidak yakin untuk menggunakan kaedah Didik Hibur sehingga cenderung takut untuk mencuba dan tidak mudah menyesuaikan diri dengan perubahan kaedah pengajaran.

Guru-guru seharusnya melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam proses PdP Bahasa Melayu agar dapat mewujudkan amalan pembelajaran menyeronokkan terhadap murid dan membantu kelancaran interaksi guru dan murid. Kaedah ini juga dapat mengurangkan batasan hubungan antara guru dan murid. Rumusannya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tahap sikap guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur, tahap sikap dan tahap amalan guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur dan tahap sikap dengan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan lima objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan tahap sikap, tahap amalan kaedah Didik Hibur dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur berdasarkan jantina, umur, kaum, kelulusan tertinggi, pengalaman mengajar, pengkhususan dan jenis sekolah kebangsaan.
2. Mengenal pasti hubungan antara tahap sikap dan tahap amalan guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur berdasarkan jantina, umur, kaum, kelulusan tertinggi, pengalaman mengajar, pengkhususan dan jenis sekolah kebangsaan.

## HIPOTESIS KAJIAN

- H<sub>01</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor umur dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>03</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kaum dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>04</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kelulusan tertinggi dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>05</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>06</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengkhususan dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>07</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jenis sekolah dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>08</sub>:** Tidak terdapat hubungan antara tahap sikap dengan tahap amalan guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.
- H<sub>09</sub>:** Tidak terdapat hubungan antara tahap sikap dengan masalah yang dihadapi guru Bahasa Melayu SJK semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

## DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Pihak kerajaan telah memperkenalkan kaedah Didik Hibur sebagai satu cara untuk membantu merealisasikan hasrat untuk mentransformasikan negara. Kebiasaanya kaedah ini kerap digunakan di sekolah rendah untuk menarik minat murid dan membantu mereka mengembangkan minat untuk belajar. Pelaksanaan kaedah ini menjadikan proses PdP yang lebih interaktif serta lebih mudah untuk memahami keperluan murid (KPM 2003). Didik Hibur merupakan pendekatan bersifat positif yang melibatkan beberapa elemen yang

utama untuk melaksanakannya. Antara elemen tersebut adalah bercerita, nyanyian, lakonan dan puisi.

Didik Hibur diperkenalkan sebagai satu kaedah dalam pengajaran yang dapat menyediakan murid kebolehan untuk berintegrasi dengan menggunakan ilmu yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti yang seronok dan memberi makna kepada mereka (Pauline dan Zuraini 2022). Menurut Norlela dan Shamsudin (2020), dalam kajiannya Didik Hibur bermaksud kaedah yang digunakan untuk mendidik murid sambil berhibur yang bersifat santai dan menyeronokkan. Didik Hibur juga merupakan kaedah alternatif yang diperkenalkan bagi membantu guru melaksanakan proses PdP. Tujuan pelaksanaan Didik Hibur supaya mewujudkan sesi PdP yang menyeronokkan dan mudah menarik penglibatan murid. Pelaksanaan kaedah ini berfokuskan kepada penguasaan kemahiran asas bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid melalui pendekatan Didik Hibur. Mazlan (2016) berpendapat kaedah Didik Hibur ini bersesuaian dengan PdP kini. Kaedah Didik Hibur yang merangkumi elemen berhibur oleh murid seperti bercerita, lakonan, nyanyian dan jenaka dapat menarik minat murid dalam proses PdP. Ia juga dapat memastikan pengajaran yang bersistematis dan dapat membantu untuk meningkatkan kualiti belajar murid.

Pelaksanaan kaedah pengajaran Didik Hibur dapat membantu meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan kanak-kanak mahupun murid-murid (Ramlah et al. 2016). Dengan menggunakan aktiviti- aktiviti yang menyeronokkan, guru boleh membantu murid belajar membaca dengan lebih mudah dan memahami teks dengan lebih berkesan serta dapat membantu murid mengekalkan maklumat dengan lebih berkesan. Ketika melaksanakan kaedah ini, guru- guru juga dapat memastikan murid-murid mewujudkan hubungan dengan rakan sekelas mereka. Murid juga akan berfikir secara kreatif untuk membuat keputusan dan penilaian serta menganalisis dengan baik ketika sesuatu tugas diberikan kepada mereka. Hal ini dapat melahirkan daya kreativiti dalam diri murid dan meningkatkan tahap kaedah kendiri tanpa had.

Semasa melaksanakan sesuatu kaedah pengajaran, guru perlulah membuat perancangan awal berdasarkan aktiviti yang berasaskan kaedah Didik Hibur bagi mengetahui isi perancangan mengenai taraf kefahaman murid. Guru juga dapat mengaplikasikan kaedah Didik Hibur mengikut kesesuaian dengan kefahaman murid. Dengan mengetahui taraf kefahaman murid, para guru dapat menganalisis kaedah yang bersesuaian untuk menarik perhatian murid serta mampu menyediakan strategi pengajaran yang bersesuaian. Hal ini demikian kerana adalah untuk mewujudkan seisi pengajaran yang lebih menarik dan bagi membawa kesan yang positif terhadap motivasi serta pencapaian prestasi murid (Mazlan 2016).

Pelaksanaan kaedah Didik Hibur dapat meningkatkan keberkesaan pembelajaran. Namun,

setiap elemen yang digunakan itu, guru seharusnya pastikan terlebih dahulu dan mengetahui bagaimana ia diaplikasikan ke dalam proses PdP (Zamri dan Anita 2023). Pengaplikasian mestilah secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana keberkesaan proses PdP selepas kemasukan unsur-unsur menyeronokkan pasti akan bergantung kepada satu sama lain. Maka, dapat dikatakan guru boleh menggunakan pedagogi yang bersesuaian di mana unsur keseronokan ditambah mengikut keperluan dan kategori tahap murid bagi memastikan objektif guru tercapai serta mendapat hasil yang positif. Menurut Leni (2017), pelaksanaan Didik Hibur mempunyai kelemahan sekiranya guru tidak kreatif melaksanakannya, maka guru tidak dapat mewujudkan interaksi dua hala. Hal ini akan menyebabkan guru tidak mencapai objektif pengajarannya.

Melvina et al. (2018), menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan penggunaan kaedah Didik Hibur melalui permainan interaktif dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kaedah pembelajaran ini sesuai untuk abad ke-21 kerana memenuhi tuntutan pembelajaran masa kini. Pendekatan pembelajaran ini menggalakkan pembelajaran *hands-on*, yang merupakan satu lagi trend penting dalam pendidikan hari ini. Oleh itu, dapat dikatakan murid berminat menggunakan perisian Didik Hibur untuk mempelajari tatabahasa Melayu melalui permainan interaktif.

Didik Hibur merupakan kaedah pengajaran guru dalam proses PdP untuk mendidik dan menghiburkan murid dalam suasana santai (Owing et al. 2018). Kaedah ini digunakan bagi memastikan guru dapat mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan. Hasil kajian Farideh (2018), mendapati Didik Hibur berfungsi sebagai aktiviti yang menyeronokkan dalam pengajaran yang mampu memberi kesan positif kepada pembelajaran di peringkat rendah. Didik Hibur juga boleh dianggap sebagai teknik yang baik dalam mengajar perbendaharaan kata terutamanya perkataan abstrak lebih daripada perkataan konkret, tetapi aktiviti yang menyeronokkan membuatkan murid berasa senang menerima proses pembelajaran dan menggunakan bahasa secara sedar dan bekerjasama secara koperatif.

Kajian Muhamad Fadhil et al. (2021) pula menyatakan amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan Didik Hibur di sekolah rendah dapat memudahkan guru dan murid. Berdasarkan amalan pengajaran dalam Bahasa Melayu di sekolah rendah adalah melibatkan murid dalam perbualan yang berterusan dan bermakna. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran di mana murid berasa selesa bertanya soalan kepada guru. Hal ini dapat memastikan guru memberi peluang kepada murid untuk mempraktikkan kemahiran bahasa mereka di dalam dan luar bilik darjah.

Norlela et al. (2021) telah menjalankan kajian di mana mereka mendapati murid berasa sukar untuk menguasai kemahiran membaca adalah disebabkan oleh

halangan yang mereka hadapi, dan pengaruh hiburan telah menyebabkan murid lebih bersedia untuk belajar membaca. Hal ini demikian kerana ramai murid menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran asas membaca kerana mereka mempunyai kesediaan belajar yang rendah dan kurang keyakinan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain itu, ramai murid yang kurang bermotivasi dan tidak berminat untuk mempelajari perkara yang sukar.

Akhir sekali, kajian Didik Hibur oleh Siti Aishah dan Wan Muna Ruzanna (2022) telah meneroka cabaran penerapan Didik Hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu, khususnya berkaitan kemahiran membaca mereka secara dalam talian. Guru yang kurang berkemahiran dalam merancang, melaksana dan mengurus kaedah PdP membawa kepada masalah keberkesanan pendekatan Didik Hibur. Hal ini menyebabkan guru tidak dapat menyepadukan elemen pembelajaran yang menyeronokkan ke dalam kaedah pengajaran mereka, yang seterusnya menjelaskan keupayaan murid untuk membaca. Guru Bahasa Melayu juga menghadapi cabaran dalam melaksanakan pendekatan pengajaran yang berbeza bagi meningkatkan kompetensi dan bidang pengetahuan mereka. Pendekatan pengajaran yang berbeza boleh memberi manfaat dalam bidang kurikulum yang berbeza.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Norfarahi et al. (2020), kajian kaedah tinjauan merupakan satu proses tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap keseluruhan populasi atau sampel. Kaedah ini juga dipilih kerana mudah dan sesuai diuruskan terhadap sampel kajian pada masa yang terhad (Fadilla dan Zamri 2019). Kaedah kuantitatif digunakan untuk mendapatkan dan memberi data yang tepat serta berpotensi memenuhi kehendak persoalan kajian yang telah dibuat.

### Teknik Pensampelan

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu SJK di daerah Jasin yang berjumlah 140 orang guru. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, pengkaji telah menjadikan 103 orang guru sebagai sampel kajian dimana sampel dipilih secara bersistematik yang melibatkan dua jenis sekolah, iaitu seramai 54 orang guru Bahasa Melayu dari SJKCina (SJKC) dan 49 orang guru dari SJKTamil (SJKT). Pemilihan sampel kajian merujuk jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

### Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan guru-guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKTl yang terletak di daerah Jasin, Melaka. Terdapat 19 buah SJKC dan lapan buah SJKT. Berikut merupakan senarai semua nama sekolah yang terlibat.

JADUAL 1. Senarai SJKC dan SJKT yang terlibat di daerah Jasin, Melaka

Bil	Sekolah Jenis Kebangsaan	
	SJKCina (SJKC)	SJKTamil (SJKT)
1.	SJKC Chiao Chee	SJKT Batang Melaka
2.	SJKC Chung Hwa	SJKT Jasin
3.	SJKC Jasin Lalang	SJKT Ladang Bukit Asahan
4.	SJKC Kemendor	SJKT Ladang Bukit Kajang
5.	SJKC Kiow Nam	SJKT Ladang Diamond Jubilee
6.	SJKC Kuang Hwa	SJKT Ladang Jasin Lalang
7.	SJKC Merlimau	SJKT Ladang Serkam
8.	SJKC On Lok	SJKT Merlimau
9.	SJKC Parit Keliling	
10.	SJKC Pay Chiao	
11.	SJKC Pay Chuin	
12.	SJKC Pay Hsien	
13.	SJKC Pay Min	
14.	SJKC Pay Yap	
15.	SJKC Pondok Batang	
16.	SJKC Shuh Yen	
17.	SJKC Simpang Bekoh	
18.	SJKC Toon Hua	
19.	SJKC Yu Hsien	

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (2022)

### Instrumen Kajian: Soal Selidik

Soal selidik kajian ini dibina berpandukan kepada pemerhatian kajian-kajian lepas dan kandungannya sangat ringkas dan tidak akan membebankan guru. Soal selidik kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian lepas, iaitu Tan dan Ruhizan (2022). Instrumen ini digunakan bagi mendapatkan data kajian mengenai tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Soal selidik dibahagikan dalam lima bahagian. Bahagian A merangkumi tujuh elemen yang berkaitan dengan faktor demografi atau latar belakang guru Bahasa Melayu. Bahagian B, C dan D merupakan soalan tentang tahap sikap, tahap amalan guru Bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Ketiga-tiga bahagian ini mengandungi 10 item setiap satu bahagian yang dalam bentuk jawapan tertutup. Dalam Bahagian B, C dan D responden diminta memilih jawapan menggunakan skor lima skala Likert seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Skala Likert lima mata

Skor	Skala Likert	Singkatan
1	Sangat Tidak Setuju	STS
2	Tidak Setuju	TS
3	Kurang Setuju	KS
4	Setuju	S
5	Sangat Setuju	SS

Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden melalui guru Bahasa Melayu dan disediakan dalam bentuk *Google Form* dan diedarkan melalui aplikasi *Whatsapp* dan *Telegram* untuk mengumpul data yang diperlukan. Kaedah ini dapat menjamin pengembalian soal selidik serta boleh menjimatkan masa. Sebelum pengisian soal selidik, penjelasan diberikan mengenai cara memberi maklum balas terhadap item-item dalam soal selidik. Responden juga diberitahu bahawa semua maklumat yang diberikan merupakan maklumat sulit bagi tujuan kajian sahaja. Responden diminta menjawab dengan jujur dan tidak diizinkan untuk berbincang dan meniru jawapan rakan sekerja mereka, kerana soalan yang diajukan merupakan pertanyaan peribadi serta berfokus pada orang yang disoal selidik.

### Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27 digunakan untuk menganalisis data statistik deskriptif dan inferensi. Bagi data deskriptif akan direkod dalam bentuk min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus, manakala analisis inferensi (ujian-t, ANOVA sehala dan korelasi) turut digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengenal pasti perbezaan serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Skala min yang digunakan merujuk kepada Mohd Hasril et al. (2016), iaitu skala 1.00-2.33 (Rendah), skala 2.34-3.66 (Sederhana) dan skala 3.67-5.00 (Tinggi).

### Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Faizal Amin et al. (2014) berpendapat bahawa kajian rintis ini dijalankan untuk mengesahkan kebolehpercayaan instrumen untuk pemindahan pembelajaran sebelum sesuatu kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis telah dilaksanakan di beberapa SJK yang berdekatan menggunakan sebilangan kecil responden iaitu seramai 30 orang guru Bahasa Melayu SJK yang telah dipilih secara rawak yang melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kesahan soal selidik telah diuji dengan menggunakan perisian SPSS versi 27, manakala koefisien kebolehpercayaan pula menggunakan alpha Cronbach. Dapatkan kajian rintis ialah  $a = 0.887$  nilai kebolehpercayaan item soal selidik. Menurut Mohd Faizal dan Leow (2017), nilai alpha Cronbach yang boleh diterima adalah di antara 0.50-0.80 ke atas. Jadi,

soal selidik bagi kajian ini mempunyai nilai alpha yang baik untuk teruskan kajian sebenar.

### DAPATAN KAJIAN

#### Maklumat Demografi Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan

Sampel kajian yang terlibat adalah 103 orang guru yang merupakan guru Bahasa Melayu yang mengajar di SJK daripada 19 buah SJKC dan lapan buah SJKT. Profil responden guru meliputi jantina, umur, kaum, kelulusan tertinggi, pengalaman mengajar, pengkhususan dan jenis SJK. Jadual 3 menunjukkan dapatan analisis deskriptif demografi responden guru secara terperinci yang merangkumi nilai frekuensi (*f*) dan peratusan (%).

JADUAL 3. Analisis demografi responden guru Bahasa Melayu SJK

Pemboleh Ubah		Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	42	40.8
	Perempuan	61	59.2
Umur	24 hingga 30 tahun	31	30.1
	31 hingga 40 tahun	39	37.9
	41 hingga 50 tahun	25	24.3
	51 hingga 60 tahun	8	7.8
Kaum	Melayu	49	47.6
	Cina	23	22.3
	India	26	25.2
	Lain-lain	5	4.9
Kelulusan Tertinggi	Diploma	25	24.3
	Pendidikan		
	Ijazah Sarjana	51	49.5
	Muda Pend.		
	Sarjana Pendidikan	25	24.3
	Doktor Falsafah	2	1.9
Pengalaman Mengajar	Kurang 3 tahun (Guru Novis)	23	22.3
	4 hingga 10 tahun	35	34.0
	11 hingga 15 tahun	20	19.4
	16 hingga 20 tahun	21	20.4
	21 tahun dan ke atas	4	3.9
Pengkhususan	Major Bahasa Melayu	38	36.9
	Minor Bahasa Melayu	35	34.0
Jenis Sekolah	Bukan Opsyen	30	29.1
	Cina	54	52.4
	Tamil	49	47.6

Jadual 3 menunjukkan bilangan responden yang telah terlibat dalam kajian, iaitu 103 orang guru Bahasa Melayu secara keseluruhannya di mana 42 orang guru merupakan lelaki, iaitu 40.8% dan 61 orang guru ialah perempuan (59.2%). Berdasarkan Jadual 3 tersebut didapati terdapat empat kategori umur. 24 hingga 30 tahun sebanyak 31 orang guru, iaitu 30.1%, 31 hingga 40 tahun seramai 39 orang guru (37.9%), 41 hingga 50 tahun seramai 25 orang guru (24.3%) dan selebihnya

7.8% mewakili 8 orang guru berumur 51 hingga 60 tahun.

Kekerapan bagi kaum pula menunjukkan guru yang berbangsa Melayu lebih tinggi peratusnya iaitu 49 orang (47.6%) diikuti guru berbangsa India seramai 26 orang (25.2%), guru berbangsa Cina seramai 23 orang (22.3%) dan bangsa yang dikategorikan sebagai lain-lain seramai 5 orang guru (4.9%). Bagi kelulusan tertinggi pula dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Diploma Pendidikan, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Sarjana Pendidikan dan Doktor Falsafah. Bagi Kategori Diploma Pendidikan dan Sarjana Pendidikan mempunyai jumlah yang sama iaitu terdiri daripada 25 orang guru, iaitu sebanyak 24.3%, kategori Ijazah Sarjana Muda Pendidikan sebanyak 51 orang guru (49.5%) dan kategori Doktor Falsafah yang terdiri daripada 2 orang guru (1.9%).

Pengalaman mengajar dibahagikan kepada lima kategori, iaitu kurang 3 tahun (Guru Novis), 4 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas. Kategori kurang 3 tahun (Guru Novis) terdiri daripada 23 orang guru (22.3%), diikuti 4 hingga 10 tahun sebanyak 35 orang guru (34.0%), 11 hingga 15 tahun sebanyak 20 orang guru, iaitu (19.4%), 16 hingga 20 tahun sebanyak 21 orang guru (20.4) dan 21 tahun ke atas pula sebanyak 4 orang guru, iaitu 3.9%.

Pengkhususan pula dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu major Bahasa Melayu, minor Bahasa Melayu dan bukan opsyen. Bagi kategori major Bahasa Melayu terdiri daripada 38 orang guru, iaitu sebanyak 36.9% yang mempunyai nilai kekerapan yang tinggi diikuti dengan 35 orang guru (34.0%) daripada kategori minor Bahasa Melayu dan selebihnya 30 orang guru (29.1%) daripada kategori bukan opsyen. Akhir sekali bagi jenis sekolah kebangsaan pula dikategorikan kepada dua, iaitu Cina dan Tamil. Kategori SJKC mempunyai nilai kekerapan yang tinggi dari SJKT, iaitu terdiri daripada 54 orang guru (52.4%) dan SJKT pula 49 orang guru, iaitu sebanyak 47.6%.

#### **Analisis Ujian-t terhadap Tahap Sikap, Tahap Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur**

Analisis ujian-t, ANOVA sehala dan analisis korelasi Pearson telah dijalankan untuk mengenal pasti hubung kait pemboleh ubah dengan faktor demografi, iaitu jantina, umur kaum, kelulusan tertinggi, pengalaman mengajar, pengkhususan dan jenis sekolah.

**H<sub>01</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur

**JADUAL 4.** Tahap Sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor jantina

Jantina	Tahap Sikap				Tahap Amalan				Masalah Dihadapi Guru	
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.
Lelaki	42	101	0.821	0.367	0.083	0.774	0.948	0.333		
Perempuan	61									

Jadual 4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara faktor jantina dengan tahap sikap guru ( $f=0.821$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=0.083$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=0.101$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis **H<sub>01</sub> adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor jantina tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

**H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jenis sekolah dengan tahap sikap, tahap motivasi, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

**JADUAL 5.** Tahap Sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor jenis sekolah

Jenis Sekolah	Tahap Sikap				Tahap Amalan				Masalah Dihadapi Guru	
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.
Cina	54	101	0.812	0.370	1.211	0.274	1.227	0.271		
Tamil	49									

Jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara faktor jenis sekolah dengan tahap sikap guru ( $f=0.812$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=1.211$ ,  $p>0.05$ ) dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=1.227$ ,  $p>0.05$ ). Dengan itu, hipotesis **H<sub>02</sub> adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor jenis sekolah tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

#### **Analisis ANOVA Sehala terhadap Tahap Sikap, Tahap Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan**

Bahagian ini merangkumi analisis ANOVA sehala untuk mengenal pasti perbezaan antara faktor demografi, iaitu umur, kaum, kelulusan tertinggi, pengalaman mengajar dan pengkhususan dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru

Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

Ho<sub>3</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor umur dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 6. Tahap Sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor umur

Umur	Tahap Sikap			Tahap Amalan			Masalah Dihadapi Guru		
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	
24 - 30 tahun	31	103	1.414	0.243	1.289	0.282	1.478	0.225	
31 - 40 tahun	39								
41 - 50 tahun	25								
51 - 60 tahun	8								

Jadual 6 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor umur dengan tahap sikap ( $f=1.414$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=1.289$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=1.478$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis **Ho<sub>3</sub> adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor umur tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

Ho<sub>4</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kaum dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 7. Tahap Sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor kaum

Kaum	Tahap Sikap			Tahap Amalan			Masalah Dihadapi Guru		
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	
Melayu	49	103	1.030	0.383	2.298	0.082	1.150	0.333	
Cina	23								
India	26								
Lain-Lain	5								

Jadual 7 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kaum dengan tahap sikap ( $f=1.030$ ,  $p>0.05$ ), tahap motivasi ( $f=0.738$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=2.298$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=1.150$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis **Ho<sub>4</sub> adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor kaum tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap

amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

Ho<sub>5</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kelulusan tertinggi dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 8. Tahap Sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan kelulusan tertinggi

Kelulusan Tertinggi	Tahap Sikap			Tahap Amalan			Masalah Dihadapi Guru		
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	
Diploma Pend.	25	103	0.550	0.649	0.725	0.539	2.191	0.094	
Sarjana Muda	51								
Pendidikan									
Sarjana	25								
Pendidikan									
Doktor	2								
Falsafah									

Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kelulusan tertinggi dengan tahap sikap ( $f=0.550$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=0.725$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=2.191$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis **Ho<sub>5</sub> adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor kelulusan tertinggi tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

Ho<sub>6</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur

JADUAL 9. Tahap Sikap, tahap motivasi, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor pengalaman mengajar

Pengalaman Mengajar	Tahap Sikap			Tahap Amalan			Masalah Dihadapi Guru		
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	
Kurang 3 tahun	23	103	0.687	0.603	0.777	0.543	0.568	0.686	
4 - 10 tahun	35								
11 - 15 tahun	20								
16 - 20 tahun	21								
21 tahun atas	4								

Jadual 9 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengalaman mengajar

dengan tahap sikap ( $f=0.687$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=0.777$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=0.568$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis  **$H_0$  adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna faktor pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

**$H_07$ :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengkhususan dengan tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 10. Tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan Didik Hibur berdasarkan faktor pengkhususan

Pengkhususan	Tahap Sikap			Tahap Amalan			Masalah Dihadapi Guru		
	N	df	f	Sig.	f	Sig.	f	Sig.	
Major Bahasa Melayu	38	103	0.279	0.757	0.355	0.702	0.003	0.997	
Minor Bahasa Melayu		35							
Bukan Opsyen		30							

Jadual 10 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pengkhususan dengan tahap sikap ( $f=0.279$ ,  $p>0.05$ ), tahap amalan guru ( $f=0.355$ ,  $p>0.05$ ), dan masalah yang dihadapi oleh guru ( $f=0.003$ ,  $p>0.05$ ). Maka dengan itu, hipotesis  **$H_07$  adalah gagal ditolak**. Hal ini bermakna, faktor pengkhususan tidak mempengaruhi tahap sikap, tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

#### **Analisis Korelasi terhadap Tahap Sikap, Tahap Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur**

Bahagian ini merangkumi analisis korelasi untuk mengenalpasti hubungan antara tahap sikap dengan tahap amalan guru dan tahap sikap dengan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

**$H_08$ :** Tidak terdapat hubungan antara tahap sikap dengan tahap amalan guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 11. Tahap sikap dengan tahap amalan guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur

Tahap Sikap Guru	Tahap Amalan Kaedah
Korelasi Pearson	.641**
Sig. (2-tailed)	.001
N	103

\*\*. Pekali korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).

Jadual 11 menunjukkan analisis analisis korelasi antara tahap sikap guru dengan tahap amalan kaedah Didik Hibur guru Bahasa Melayu Sekolah SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Analisis kajian mendapati nilai  $r=0.641$ ,  $p=0.00$ ,  $p<0.05$  lebih kecil daripada nilai  $p=0.00$  dan  $p<0.05$ . Analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru dengan tahap amalan kaedah Didik Hibur guru terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Oleh hal demikian, hipotesis  **$H_09$  adalah ditolak**. Hal ini bermakna, kedua-dua pemboleh ubah, iaitu tahap sikap dengan tahap amalan guru adalah mempengaruhi antara satu sama lain di mana semakin rendah tahap sikap guru semakin rendahnya tahap amalan guru terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran mereka.

Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui analisis dapatan kajian di mana tahap amalan guru pada tahap yang sederhana kerana guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT kurang menggunakan bahan bantu mengajar kaedah Didik Hibur yang lebih kreatif, kurang memberikan latihan dengan menggunakan bahan Didik Hibur, tidak gemar berbincang dengan murid mengenai idea dengan menggunakan kaedah Didik Hibur dan sebagainya menjadi faktor yang mempengaruhi tahap sikap guru.

**$H_09$ :** Tidak terdapat hubungan antara tahap sikap dengan masalah yang dihadapi guru Bahasa Melayu SJK semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur.

JADUAL 12. Hubungan antara tahap sikap dengan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJK semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur

Tahap Sikap Guru	Masalah Dihadapi Guru
Korelasi Pearson	-.367**
Sig. (2-tailed)	.001
N	103

\*\*. Pekali korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).

Jadual 12 menunjukkan analisis analisis korelasi antara tahap sikap guru dengan masalah yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Analisis kajian mendapat nilai  $r=-0.367$ ,  $p=0.00$ ,  $p<0.05$  di mana nilai  $p=0.00$ , iaitu lebih kecil daripada nilai  $p>0.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap sikap guru dengan masalah yang dihadapi oleh guru semasa pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Oleh hal demikian, hipotesis **H<sub>0</sub>** adalah **ditolak**. Kedua-dua boleh ubah, iaitu tahap sikap dengan masalah yang dihadapi oleh guru adalah perkaitan antara satu sama lain di mana semakin rendah tahap sikap guru semakin tingginya masalah yang akan dihadapi oleh guru semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui analisis dapatan kajian di mana guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT berhadapan dengan masalah terutamanya dari segi kekurangan bahan bantu mengajar, pengetahuan yang kurang, tidak berkemahiran, sukar mewujudkan komunikasi berkesan dan sebagainya menjadi faktor yang mempengaruhi tahap sikap guru.

## PERBINCANGAN

### Tahap Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sikap guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur berada pada tahap yang sederhana dengan bacaan min keseluruhan 2.40 dan sisihan piawai 0.891. Dapatan kajian jelas menunjukkan sikap guru terhadap pelaksanaan kaedah didik adalah sederhana. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah Didik Hibur adalah salah satu kaedah yang telah disarankan oleh KPM dalam menggerakkan transformasi kurikulum terkini bagi melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam PdP Bahasa Melayu. Dapatan ini memberi impak positif kepada guru supaya membuat penambahan dan diberikan pendedahan melalui kursus, seminar dan lain-lain untuk diperluaskan pengetahuan kaedah Didik Hibur yang terancang.

Terdapat pelbagai perkara yang perlu dititikberatkan untuk melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu terutamanya hal-hal yang melibatkan sikap guru. Sikap guru yang sederhana terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur akan menyebabkan guru mempunyai kesediaan yang rendah semasa melaksanakan pengajaran. Dapatan ini sejajar dengan kajian Salimiah dan Zamri (2020) di mana sikap guru yang tidak bersedia dalam melaksanakan kaedah Didik Hibur akan merosotkan keberkesanan pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Guru yang kurang berkemahiran dalam merancang, melaksana dan

mengurus kaedah pengajaran membawa kepada masalah keberkesanan pendekatan Didik Hibur (Zamri dan Anita 2023, Siti Aishah dan Wan Muna Ruzanna 2022). Hasil kajian menunjukkan guru berasa sukar untuk membuat penilaian dengan menggunakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Jika guru mempunyai sikap yang tidak bersedia untuk menerima dan menggunakan sesuatu kaedah yang baharu dalam pengajaran, mereka perlu cuba untuk menerimanya demi memastikan objektif pengajaran tercapai. Pernyataan ini disokong oleh kajian Leni (2017) di mana kaedah Didik Hibur mempunyai kelemahan sekiranya guru tidak kreatif melaksanakannya, maka guru tidak dapat mewujudkan interaksi dua hala.

Sikap penerimaan guru dalam kaedah pengajaran mampu memberi implikasi terhadap proses pengajaran guru di dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana pengaruh sikap amat berkait rapat dengan tingkah laku seseorang terhadap penerimaan sesuatu perlakuan yang baharu dalam kehidupan sehari-hari. Hasil dapatan menunjukkan majoriti guru tidak yakin untuk mengaplikasikan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu di SJK. Hal ini jelas menunjukkan pengajaran guru masih bersifatkan tradisional sehingga mereka berasa tidak yakin menggunakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian Rozita Radhiah et al. (2016) yang mendapati guru lebih selesa menggunakan buku teks dalam pengajaran.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru kurang berpengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur. Menurut Magdeline dan Zamri (2014), pengetahuan guru terhadap bahan pengajaran yang diajar akan memudahkan guru untuk membuat perancangan awal dari segi kaedah yang digunakan dalam pengajaran. Dapatan ini disokong oleh Abdul Rasid et al. (2016) berkaitan tahap pengetahuan guru yang baik dalam merancang dan mengamalkan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut keperluan pembelajaran murid dapat menyumbang kepada keberkesanan proses pengajaran.

Kesimpulannya, walaupun dapatan kajian menunjukkan tahap sikap guru Bahasa Melayu SJK terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur pada tahap yang sederhana, namun situasi menggambarkan ada guru yang mengamalkan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu mereka. Jika kaedah Didik Hibur ini dilaksanakan oleh kesemua guru dengan terancang maka suatu perubahan yang baik dapat dilihat dari segi pencapaian dan prestasi murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK. Kajian lalu menunjukkan guru sangat positif terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur dan dapat membantu guru mencapai objektif pengajaran dengan mudah. Hasil kajian ini mengingatkan guru-guru supaya lebih peka dengan perubahan kaedah pengajaran kini dan melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Oleh yang

demikian, guru harus mengubah sikap kepada lebih positif terhadap pelaksanaan kaedah Didik Hibur dan mengaplikasikannya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Mempunyai keyakinan, berpengetahuan dan berkemahiran melaksanakan kaedah ini mampu mengubah sikap guru Bahasa Melayu dalam mengaplikasikan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran.

### **Tahap Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur**

Fleksibiliti dalam mengikut pengajaran yang pelbagai mengikut kesesuaian corak pendidikan semasa iaitu abad ke-21 adalah perlu diamalkan oleh guru. Dalam hal ini, pihak KPM telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbanyakkan amalan kaedah pengajaran (KPM 2014) bagi membantu guru untuk melaksanakan proses PdP dengan baik. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu di SJKC dan SJKT masih mengamalkan kaedah tradisional dalam pengajaran. Tahap amalan kaedah Didik Hibur yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT semasa pengajaran adalah pada tahap yang sederhana dengan min keseluruhan 2.80 dan sisihan piawai 0.967. Hal ini memberi makna bahawa guru Bahasa Melayu di SJK kurang mengamalkan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk Didik Hibur dalam pengajaran mereka.

Dalam konteks pelaksanaan kaedah Didik Hibur, guru seharusnya mempelbagaikan bahan mengajar berdasarkan kaedah Didik Hibur yang kreatif selaras dengan tahap murid. Penemuan Norlela dan Shamsudin (2020) mendapati pengajaran guru yang masih berkonsepkan kaedah tradisional menyukarkan PdP Bahasa Melayu. Guru berperanan penting dalam mengubah kaedah pengajaran yang berkesan mengikut perubahan semasa dengan mempelbagaikan teknik pengajaran (Zamri 2019). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Muhamad Fadhil et al. (2021) di mana kaedah Didik Hibur ini kurang diamalkan oleh guru dalam PdP Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana para guru tidak sempat menyediakan bahan dan tidak mempunyai idea untuk mengajar menggunakan kaedah Didik Hibur berbantuan bahan bantu mengajar.

Kesimpulannya, majoriti guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan yang tidak mengamalkan kaedah didik dalam pengajaran Bahasa Melayu mereka. Hal ini kerana hasil dapatan keseluruhan mendapati guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif, tidak gemar berbincang dengan murid, kurang kesedaran mengenai kaedah Didik Hibur, kurang menggunakan teknik Didik Hibur dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan sebagainya. Guru kurang mengamalkan kaedah ini juga kemungkinan kerana panitia Bahasa Melayu yang kurang

menggalakkan penggunaan kaedah ini kerana mempunyai bahan yang kurang. Pernyataan ini disokong oleh Muhamad Fadhil et al. (2021), bahan bantu mengajar yang disediakan pihak panitia adalah tidak mencukupi.

### **Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Semasa Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran**

Dalam usaha memastikan murid-murid tidak keciciran dalam pelajaran, guru-guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT telah melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran mereka. Walau bagaimanapun, guru masih menghadapi masalah semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur. Dapatan kajian menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur adalah pada tahap yang sederhana dengan min keseluruhan 2.23 dan sisihan piawai 0.850. Walaupun corak pendidikan konvensional pada abad ini telah berubah mengikut keadaan semasa namun akibat sikap guru yang tidak kreatif dalam melaksanakan kaedah pengajaran mengikut kesesuaian mendatangkan pelbagai kesukaran.

Pelaksanaan kaedah Didik Hibur ini memberikan kesukaran kepada guru untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu kerana guru kerap menggunakan kaedah tradisional. Pernyataan ini disokong oleh kajian Siti Aisyah dan Wan Muna Ruzanna (2021) yang mengatakan disebabkan guru dan murid telah sebat dengan kaedah pembelajaran tradisional telah menyebabkan murid kurang berminat dan melibatkan diri dalam pengajaran kaedah terkini. Dapatan kajian juga mendapati guru menghadapi kesukaran dalam merancang pelaksanaan pengajaran kemahiran membaca dengan menggunakan kaedah Didik Hibur. Dapatan ini sejajar dengan kajian Selvi dan Waskita (2020) di mana kelemahan perancangan guru melaksanakan sesuatu pengajaran berdasarkan pendekatan kaedah merupakan suatu kesukaran yang sering berlaku di semua peringkat.

Dapatan kajian juga mendapati guru menghadapi kesukaran dalam pengurusan masa ketika menggunakan kaedah Didik Hibur kerana mengambil masa yang agak lama. Pernyataan ini disokong oleh Wan Ali Akhbar et al. (2020) dalam kajiannya yang menyatakan pengurusan masa dalam sesuatu pengajaran akan utamakan yang penting sahaja supaya ada ruang masa untuk penyediaan bahan pengajaran berdasarkan tahap dan minat murid. Guru juga berhadapan dengan masalah semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur terutamanya dari segi kemahiran. Dapatan kajian selari dengan hasil kajian Zanariah dan Zamri (2017) yang mendapati guru yang kurang berkemahiran untuk melaksanakan kaedah Didik Hibur akan menyebabkan kelemahan dalam perancangan pengajaran. Hal ini akan menyebabkan guru berhadapan dengan kesukaran untuk

mencapai objektif pengajaran serta dalam mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Hasil kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) juga mendapati guru sukar untuk melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian kerana menghadapi kesukaran kefahaman oleh murid. Masalah ini berhubung kait dengan aspek cara guru melaksanakan kaedah Didik Hibur dalam menyampaikan pengajaran supaya murid mudah memahaminya. Oleh itu, guru-guru haruslah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kaedah Didik Hibur ini dengan belajar dan memahami kepentingan kaedah ini. Secara tidak langsung dengan penguasaan para guru dalam pelaksanaan kaedah ini akan dapat membantu murid menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu yang dianggap membosankan di SJKC dan SJKT.

## KESIMPULAN

Kajian mengenai pelaksanaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran banyak dijalankan namun kurang dijalankan khususnya bagi guru Bahasa Melayu terutamanya di SJKC dan SJKT. Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan modul Didik Hibur membawa kesan yang cukup positif kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid. Kajian ini dijalankan berdasarkan faktor guru Bahasa Melayu SJK sebagai pelaksana kurikulum dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan kaedah Didik Hibur dalam PdP. Rumusan kajian mendapat para guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT perlu diberi banyak pendedahan mengenai kaedah Didik Hibur ini. Pendedahan yang meluas dan praktikal harus diberi penekanan oleh pihak-pihak berwajib. Hal ini kerana hanya sebilangan kecil guru-guru tersebut yang mendapat pendedahan secara formal dan ternyata ia tidak mencukupi. Kepakaran guru-guru cemerlang yang menguasai kaedah ini amat diperlukan untuk membantu guru-guru lebih mengenali, mahir dan selesa untuk melaksanakannya dalam pengajaran. Perkara ini menuntut semua pihak pentadbiran dalam pendidikan menggembungkan usaha bersama untuk lebih peka kepada keperluan guru-guru tersebut. Hal ini tidak dapat disangkal bahawa latihan dalam organisasi pendidikan yang dibuat secara berterusan dan dipantau adalah merupakan langkah yang berkesan dalam membantu guru mendapatkan ilmu pedagogi yang sentiasa berubah mengikut pengajaran terkini.

Kajian juga merumuskan guru Bahasa Melayu SJKC dan SJKT perlu mengambil inisiatif untuk belajar dan memahami kepentingan kaedah Didik Hibur ini. Secara tidak langsung diharapkan dengan penguasaan para guru dalam pelaksanaan kaedah Didik Hibur, dapat membantu mereka memastikan murid menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu yang dianggap membosankan. Kepelbagaiannya penggunaan strategi pengajaran juga akan melenyapkan pandangan masyarakat bahawa guru Bahasa Melayu SJK hanya selesa menggunakan kaedah

tradisional sahaja, sedangkan mereka merupakan guru yang mempunyai kreatif dan inovasi dalam mendidik anak bangsa.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. (2016). Pengaplikasian teknik Didik Hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1), 39-45.
- Aminudin Ahmad. (2017). Penerapan elemen Didik Hibur. *Kosmo Online*. Diakses dari <http://www.kosmo.com.my/special/moe/penerapan-elemen-didik-hibur-1.557676> (pada 23 November 2023)
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Fadilla anak Layang & Zamri Mahamod. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran *i-Think*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37-44.
- Faizal Amin Nur Yunus, Mohd. Bekri Rahim, Ruhizan Mohd Yasin & Ridzwan Che Rus. (2014). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pemindahan pembelajaran berdasarkan pendekatan Model Rasch: Kajian rintis. *First Technical and Vocational Education International Seminar*, hal. 1-9.
- Farideh Bavi. (2018). The effect of using fun activities on learning vocabulary at the elementary level. *Journal of Language Teaching and Research*, 9(3), 629-639.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Edisi Pelancaran PIPP 2006*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Leni Layinnah. (2017). Menciptakan pembelajaran *Fun Learning Based on Scientific Approach* dalam pembentukan karakter peserta didik pada pembelajaran Pai. *Tarbawy Indonesian Journal of Education*, 4(1), 1-9.
- Magdeline Nor & Zamri Mahamod. (2014). Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru Bahasa Iban baru

- dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37–49.
- Mazlan Ismail. (2016). *Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melvina Chung Hui Ching, Norazah Mohd Nordin & Jamaludin Badusah. (2018). Penggunaan kaedah Didik Hibur melalui permainan interaktif dalam pembelajaran Bahasa Melayu. <https://sted18.files.wordpress.com/2018/12/1-1-melvina-chung-hui-ching-norazah-mohd-nordin-jamaludin-badusah.pdf> (Diakses pada 13 Mei 2023).
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan intrumen kendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211-265.
- Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Ngadiran, Fathin Liyana Zainudin & N. Ngadiman. (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Bahru. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Mohd Maziz Al-Hadi Moharam, Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. (2021). Pendekatan kaedah interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam abad ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu. *5th International Conference on Teacher Learning and Development* [https://www.researchgate.net/publication/354400075\\_Pendekatan\\_Kaedah\\_Interaktif\\_Dalam\\_Pengajaran\\_Dan\\_Pembelajaran\\_Pendidikan\\_Islam\\_Abad\\_Ke21\\_Di\\_Sekolah\\_Menengah\\_Kebangsaan\\_Kota\\_Kinabalu](https://www.researchgate.net/publication/354400075_Pendekatan_Kaedah_Interaktif_Dalam_Pengajaran_Dan_Pembelajaran_Pendidikan_Islam_Abad_Ke21_Di_Sekolah_Menengah_Kebangsaan_Kota_Kinabalu) (Diakses pada 21 Julai 2023).
- Muhamad Fadhil Md Zain, Mahzan Arshad & Norul Haida Reduzan. (2021). Amalan pengajaran guru dalam pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan Didik Hibur di sekolah rendah. *International Journal of Aquatic Science*, 12 (2): 2976- 2986.
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2020). Faktor pendorong kreativiti dalam kalangan pelajar politeknik. *Asian People Journal*, 3(2), 77-85.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6(2), 1-11.
- Norlela Ahmad, Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, Marzni Mohamed Mokhtar, Mohd Azuan Mohd Nawawi & Zullaili Hason. (2021). Pengaruh Didik Hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca Bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(1), 45-57.
- Norzaharah Yahya. (2011). Keberkesanan teknik scaffolding secara berkumpulan terhadap Pendidikan Sirah. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Owing Ji Seng, Azhar Md. Sabil & Shamsudin Othman. (2018). Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan Didik Hibur dalam pengajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training*, 4(2), 1-9.
- Pauline Unjong & Zuraini Seruji. (2022). Pelaksanaan Didik Hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu murid LINUS tahun 3. *Asian People Journal*, 5(1), 22-30.
- Ramlah Jantan, Nor Afni Resad & Siti Fathimah Az-Zahra Mohd. Fauzi. (2016). Aktiviti Didik Hibur dalam kalangan guru prasekolah di daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 19-29.
- Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md. Sabil. (2016). Pengetahuan dan kefahaman skop pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-9.
- Salimiah@Sazarinah Jamili dan Zamri Mahamod. 2022. Perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibur secara bersempua dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1), 40-49.
- Selvi Loviana & Wastika Niti Baskara. (2020). Dampak pandemik COVID-19 pada kesiapan pembelajaran Tadris Matematika IAIN Metro Lampung. *Jurnal Pendidikan Matematika*, 2(1), 61-69.
- Siti Aishah Sembai Aban Abdullah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Cabaran pengaplikasian pendekatan Didik Hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 349-362.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *Home Based Learning* semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57.
- Tan Ching & Ruhizan Mohammad Yasin. (2022). Penerapan kaedah Didik Hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 459-474.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak & Mohd Isa Hamzah. (2020). Pengurusan masa guru inovatif pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 8(2), 34-39.
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2023). *DIDIK HIBUR: Belajar Sambil Bermain dari Perspektif Murid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mahamod. (2019). *Inovasi PdP dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Edisi Ketiga.* Bangi: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zanariah Wahab & Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/3-zanariah-binti-wahab-zamri-mahamod.pdf> (Diakses pada 20 November 2023)